

CNS0270

U GB 25-11 00156 BC639

aab

Keating-Akhbar ''

KEATING DIKECAM KERANA KENYATAAN MENGENAI DR MAHATHIR

Daripada K.C.Leong

I

MELBOURNE, 25 Nov (Bernama) -- Kenyataan Perdana Menteri Australia Paul Keating mengenai ketidakhadiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sidang Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Seattle telah dikecam akhbar-akhbar negara itu.

Kesemua akhbar utama -- The Australian, Australian Financial Review, Sydney Morning Herald dan Melbourne Age -- telah menyiarkan perkembangan meluas sepanjang tiga hari lepas ekoran kenyataan Keating itu.

Melbourne Age menyiarkan desakan Pemuda UMNO supaya Keating meminta maaf di muka hadapan akhbar itu hari ini.

Akhbar-akhbar berkenaan juga mengulas dalam lidah pengarang mereka mengenai perkara itu dengan membuat kesimpulan negatif berhubung kenyataan Keating mengenai Perdana Menteri yang disifatkannya sebagai "keras kepala" kerana tidak menghadiri sidang di Seattle itu.

Akhbar The Australian berkata pada Selasa bahawa kejayaan Australia di Seattle telah terjejas berikutan kecaman Keating terhadap Dr Mahathir. -- Lagi

▼25/11/17-14MST

CNS0318

U GB 25-11 00131 BC640

aab

Keating-Akhbar 2 Melbourne

Dalam ulasan lain mengenai isu yang sama, Editor Meja Luar Negara akhbar itu Gred Sheridan berkata usaha Australia untuk mengawal cabaran-cabaran perdagangannya dengan lebih berkesan kini lebih sukar berikutan "komen bodoh yang tidak sepatutnya diluahkan" oleh Keating.

Beliau berkata Malaysia boleh mengecewakan usaha Australia untuk mengintegrasikan ekonominya dalam Asia Tenggara jika ia mahu berbuat demikian.

Kenyataan Keating, katanya, "tidak produktif dan bodoh".

Beliau berkata kejayaan forum APEC di Seattle minggu lepas tidak boleh mengaburi mata Australia kepada sokongan yang semakin meningkat terhadap Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC).

Sebagai contoh, katanya, terdapat banyak penyokong EAEC di Jepun, terutama dalam Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, manakala di Asia Tenggara, "selain dari Indonesia, terdapat banyak sokongan bagi EAEC". -- Lagi

▼25/11/17-49MST

Keating-Akhbar 3 (Akhir) Melbourne

Akhbar Sydney Morning Herald dalam lidah pengarangnya semalam berkata ketidakhadiran Dr Mahathir di Seattle sekurang-kurangnya merupakan satu kenyataan yang jujur mengenai kedudukannya. "Keating tidak perlu bersungut mengenainya."

Akhbar itu juga menyebut kenyataan Keating bahawa Dr Mahathir seorang keras kepala "tidak sepatutnya diutarakan terhadap ketua kerajaan sebuah negara sahabat, jiran dan rakan perdagangan yang semakin penting".

"Untuk mencadangkan bahawa Dr Mahathir perlu memenuhi permintaan supaya hadir di Seattle -- dan oleh itu dia dianggap keras kepala atau kurang bekerjasama kerana tidak berbuat demikian -- adalah agak keterlaluan," menurut akhbar itu.

Merujuk kepada kenyataan Keating yang keterlaluan itu, Melbourne Age dalam lidah pengarangnya semalam mengulas bahawa untuk memanggil Dr Mahathir seorang yang keras kepala dan berkata bahawa dia tidak peduli sama ada Dr Mahathir hadir atau tidak pada sidang APEC yang akan datang tidak sepatutnya dilakukan dengan jiran-jiran Australia di Asia Tenggara.

Keating juga ditekankan oleh jurucakap Hal Ehwal Luar Pembangkang Australia Andrew Peacock yang menggesa pemimpin negara itu supaya menyetepikan kesensitifan peribadinya terhadap Dr Mahathir dan mengambil langkah-langkah untuk menjernihkan suasana. -- Bernama

KCL SJ AKD

▼25/11/18-01MST